



LAPORAN TAHUNAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2016

www.asnb.com.my

ISI KANDUNGAN

AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 (ASW 2020)

NO. TAJUK	MUKASURAT
I. Maklumat Tabung	2
II. Prestasi Tabung	3
III. Laporan Pengurus	7
IV. Penyata Pengurus	15
V. Penyataan Pemegang Amanah	16
VI. Laporan Juruaudit	17
VII. Penyata Kewangan	
A. Penyata Untung atau Rugi	19
B. Penyata Pendapatan Komprehensif	20
C. Penyata Aliran Tunai	21
D. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	22 - 36
VIII. Alamat Cawangan ASNB	37 - 38
IX. Maklumat Korporat	41

LAPORAN PENGURUS AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 (ASW 2020)

Pemegang-pemegang unit Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASW 2020, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASW 2020 bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016.

I. MAKLUMAT TABUNG

A. KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
Amanah Saham Wawasan 2020	Ekuiti	Pendapatan

B. OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASW 2020 adalah untuk memberi kadar pulangan yang berpatutan kepada pemegang-pemegang unit menerusi pelaburan dalam portfolio terpilih yang terdiri daripada pelaburan yang dibenarkan.

C. PENANDA ARAS TABUNG

ASW 2020 menggunakan penanda aras Kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank 3-bulan (KLIBOR 3-bulan) bagi mengukur prestasi ASW 2020 berbanding prestasi instrumen-instrumen lain yang mempunyai ciri yang sama.

D. POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN TABUNG

ASW 2020 akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

E. PEGANGAN UNIT

Pada 31 Ogos 2016, seramai 878,145 individu telah menyertai ASW 2020. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Bilangan Pemegang Unit		Bilangan Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	604,569	68.84	652,695,789	3.66
5,001 hingga 10,000	62,507	7.12	465,521,129	2.61
10,001 hingga 50,000	150,759	17.17	3,601,869,277	20.17
50,001 hingga 500,000	56,306	6.41	6,798,818,621	38.08
500,001 dan ke atas	4,004	0.46	6,335,415,033	35.48
JUMLAH	878,145	100.00	17,854,319,849	100.00

II. PRESTASI TABUNG

A. PERUMPUKAN ASET

i) Perumpukan Aset Bagi ASW 2020 adalah seperti berikut:

Komponen Aset Dalam Portfolio	Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos (%)		
	2016	2015	2014
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:	74.63	75.70	78.06
Pelaburan di Pasaran Wang dan Lain-lain Aset Bersih:	25.37	24.30	21.94
Jumlah	100.00	100.00	100.00

ii) Perumpukan Aset Bagi ASW 2020 Mengikut Pada Nilai Pasaran Sektor Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Berdasarkan NAB Tabung Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos (%)		
	2016	2015	2014
Pelaburan Disebut Harga:			
Barangan Industri	4.72	5.29	5.32
Barangan Pengguna	3.42	3.56	3.76
Hartanah	2.09	1.95	1.91
Pembinaan	3.90	4.55	3.84
Perkhidmatan/Perdagangan	30.24	29.42	28.76
Syarikat Projek Infrastruktur	3.38	2.89	3.13
Kewangan	21.36	21.12	24.40
Perladangan	3.72	4.87	5.07
REITs	1.81	2.05	1.87
Pelaburan di Pasaran Ekuiti	74.63	75.70	78.06
Pelaburan di Pasaran Wang dan Lain-lain Aset Bersih	25.37	24.30	21.94
JUMLAH	100.00	100.00	100.00

(iii) Senarai 20 Pelaburan Terbesar Pada Peratusan Jumlah Nilai Pasaran Berbanding Dengan NAB Tabung pada 31 Ogos 2016

Bil.	Syarikat	Peratusan dari NAB Tabung (%)
1.	Malayan Banking Berhad	7.26
2.	Public Bank Berhad	6.73
3.	Tenaga Nasional Berhad	5.12
4.	Sime Darby Berhad	4.93
5.	CIMB Group Holdings Berhad	3.68
6.	Axiata Group Berhad	3.32
7.	Petronas Chemicals Group Berhad	2.77
8.	Digi.Com Berhad	2.63
9.	Maxis Berhad	2.35
10.	Telekom (M) Berhad	2.28
11.	IOI Corporation Berhad	2.21
12.	RHB Bank Berhad	2.10
13.	IHH Healthcare Berhad	2.05
14.	IJM Corporation Berhad	2.05
15.	MISC Berhad	2.03
16.	Petronas Dagangan Berhad	1.91
17.	Petronas Gas Berhad	1.75
18.	AMMB Holdings Berhad	1.59
19.	Gamuda Berhad	1.46
20.	Kuala Lumpur Kepong Berhad	1.32

B. MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan Prestasi Maklumat Kewangan Bagi Tempoh Tiga
(3) Tahun Terdahulu

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos		
	2016	2015	2014
Unit dalam Edaran (Juta)	18,193.10	17,822.10	16,892.10
Kadar Pengagihan (sen seunit)	6.30	6.40	6.60
Jumlah Pengagihan (RM Juta)	1,138.37	1,130.77	1,106.30
Tarikh Pembayaran	1 Sept	1 Sept	1 Sept
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	1.08	1.08	1.09
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.22	0.26	0.23

Nota:

1. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASW 2020 yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASW 2020 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP pada 31 Ogos 2015 dan 31 Ogos 2016 adalah tidak ketara.
2. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASW 2020 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. NPGP pada 31 Ogos 2016 yang lebih rendah berbanding 31 Ogos 2015 adalah disebabkan oleh penurunan aktiviti jual beli pelaburan pada tahun kewangan 31 Ogos 2016.

C. PURATA PULANGAN TAHUNAN

(i) Purata pulangan tahunan bagi ASW 2020 adalah seperti berikut:

	Pada 31 Ogos 2016		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%) ¹	6.30	6.43	6.52
KLIBOR 3-bulan (%) ²	3.40	3.61	3.45

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota :

- (a) 1 tahun ialah pengagihan pendapatan bagi tahun tersebut.
 - (b) 3 tahun ialah pengagihan pendapatan tahun tersebut ditambah dengan pengagihan pendapatan bagi 2 tahun sebelumnya dan dibahagikan dengan 3.
 - (c) 5 Tahun ialah pengagihan pendapatan tahun tersebut ditambah dengan pengagihan pendapatan bagi 4 tahun sebelumnya dan dibahagikan dengan 5.
- Kadar KLIBOR 3-bulan adalah berdasarkan kepada faedah penghujung bulan.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar, mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

D. PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi pulangan bagi ASW 2020 berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos				
	2016	2015	2014	2013	2012
Jumlah Pulangan (%)	6.30	6.40	6.60	6.70	6.60
KLIBOR 3-Bulan (%)	3.40	3.73	3.71	3.20	3.20

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

E. PERUBAHAN KETARA TERHADAP KEDUDUKAN TABUNG

Tiada perubahan ketara sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016

F. SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASW 2020 tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

G. KOMISYEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

III. LAPORAN PENGURUS

A. PENCAPAIAN OBJEKTIF TABUNG ASW 2020

ASW 2020 telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang-pemegang unit bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016.

B. POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASW 2020 adalah untuk melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan terdiri daripada sekuriti yang tersenarai di Bursa Malaysia, sekuriti tidak tersenarai, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan lain-lain instrumen pasaran modal seperti produk berstruktur dan derivatif. ASW 2020 akan melaburkan sehingga 95% dari NAB pada kos dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, ASW 2020 boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016, seperti yang terkandung dalam Prospektus Induk bertarikh 30 Jun 2016, polisi pelaburan ASW 2020 telah dipinda bagi membenarkan pelaburan dalam mana-mana bon korporat, termasuk bon korporat tanpa penarafan, seperti yang dibenarkan oleh Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Produk Pasaran Modal Tidak Tersenarai di bawah Rangka Kerja Kemuka dan Lancar.

C. STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN KEWANGAN

i) Ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016, strategi pelaburan ASW 2020 telah dilaksanakan dengan perumpukan aset antara ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap yang difikirkan wajar berdasarkan keadaan ekonomi dan pasaran modal global dan tempatan. Tumpuan lebih diberikan kepada ekuiti berbanding aset sekuriti berpendapatan tetap bagi menjana pulangan yang lebih tinggi dalam bentuk pulangan modal dan juga dividen, selaras dengan risiko pasaran yang diambil.

Pelaburan ASW 2020 dalam ekuiti telah ditumpukan kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai asas yang kukuh dan prospek perniagaan yang cerah serta disokong oleh permintaan domestik yang tegar serta kurang dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi global. Antara sektor-sektor yang menjadi tumpuan ialah sektor telekomunikasi dan utiliti. Pada masa yang sama, pelaburan ekuiti juga memberi penekanan pada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif dan konsisten seperti sektor amanah pelaburan hartanah (REIT).

ii) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016, ASW 2020 telah membuat pelaburan yang lebih dalam pasaran wang berbanding sekuriti berpendapatan tetap. Ini bagi membolehkan ASW 2020 berada di dalam aliran tunai yang secukupnya bagi melabur dalam pasaran saham pada masa yang bersesuaian. ASW 2020 turut melabur dalam sekuriti pendapatan tetap untuk mempelbagaikan pelaburan di samping mengurangkan risiko portfolio. Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap dilakukan setelah pengurus dana melakukan analisa kredit.

D. ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016, penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan kenaikan sebanyak 65.32 mata atau 4.05% untuk ditutup pada paras 1,678.06 mata pada 31 Ogos 2016, berbanding 1,612.74 mata yang dicatatkan pada 31 Ogos

2015. Bagi tempoh yang sama, FBM KLCI telah mencatatkan paras tertinggi 1,727.99 mata pada 15 April, 2016, manakala paras terendah 1,582.85 mata telah dicatatkan pada 7 September 2015.

Penanda aras sektor dalam pasaran saham Bursa Malaysia mencatatkan peningkatan sejajar dengan prestasi positif FBM KLCI, berbanding setahun yang lalu. Sektor pembinaan mencatatkan kenaikan tertinggi sebanyak 15.16%, diikuti oleh sektor perladangan yang meningkat sebanyak 14.82% dan sektor teknologi sebanyak 12.93%. Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan kenaikan yang tinggi dalam tempoh tinjauan adalah Tenaga Nasional Berhad (+31.84%), Kuala Lumpur Kepong Berhad (+13.26%), IHH Healthcare Berhad (+11.79%), Petronas Dagangan Berhad (+10.59%) dan IOI Corporation Berhad (+10.50%). Pelaburan ASW 2020 di dalam saham-saham tersebut telah memberi manfaat dalam bentuk kenaikan nilai pasaran yang positif.

Di rantau ASEAN, indeks FBM KLCI mencatatkan prestasi keempat terbaik berbanding indeks utama serantau selepas Indonesia (JCI), Thailand (SET) dan Filipina (PCOMP) yang masing-masing telah mencatatkan kenaikan sebanyak 20.60%, 13.19% dan 9.81% dalam tempoh tinjauan. Manakala Singapura (STI) telah merosot sebanyak 4.32% bagi tempoh 12 bulan berakhir 31 Ogos 2016. Bagi negara Asia yang lain, indeks Jepun (NKY) mencatatkan prestasi terendah dengan penurunan sebanyak 12.60% diikuti oleh indeks Shanghai (SSE) yang merosot sebanyak 4.88%.

Sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016, pasaran saham global dipengaruhi keadaan persekitaran dagangan yang mencabar. Antara faktor yang memberi kesan termasuk kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi negara China, ketidaktentuan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat dan impak dari keputusan United Kingdom (UK) keluar daripada Kesatuan Eropah (Brexit).

Pasaran saham tempatan, khususnya, mengalami pengaliran keluar dana asing disebabkan oleh kebimbangan terhadap keadaan ekonomi Malaysia berikutan kejatuhan harga komoditi, kejatuhan mata wang Ringgit serta ketidakpastian yang dihadapi oleh persekitaran ekonomi global. Pada tahun kewangan 2016, harga komoditi, terutamanya minyak mentah, jelas menjadi fokus utama pelabur saham asing mahupun tempatan. Harga minyak mentah dunia mencatatkan kejatuhan sepanjang tahun kewangan ASW 2020 daripada paras USD49.20 setong pada 31 Ogos 2015 kepada

paras terendah USD26.21 setong pada 11 Februari 2016 berikutan lebih bekalan akibat keengganan Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (Organization of the Petroleum Exporting Countries, OPEC) untuk mengurangkan pengeluaran minyak, dan permintaan yang lemah ekoran pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih perlahan. Kejatuhan ini telah mengakibatkan pelaburan dan aktiviti dalam sektor minyak dan gas berkurangan. Sehubungan dengan itu, para pelabur meragui prospek ekonomi negara-negara pengeksport minyak seperti Australia, Brazil dan juga Malaysia. Walau bagaimanapun, harga minyak mentah kembali stabil dan ditutup pada USD44.70 setong pada 31 Ogos 2016 berikutan permintaan dari India dan China yang melebihi jangkaan.

Penyusutan mata wang Ringgit akibat penurunan harga minyak mentah turut mempengaruhi pasaran saham tempatan. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit menyusut ke paras terendah RM4.46/USD pada 29 September 2015, penurunan sebanyak 6.44% daripada paras RM4.19/USD pada 31 Ogos 2015. Sepanjang tahun kewangan, Ringgit telah mencatatkan paras tertinggi iaitu RM3.87/USD pada 20 April 2016, sebelum ditutup pada paras RM4.07/USD pada 31 Ogos 2016.

Sentimen pelabur-pelabur tempatan mahupun asing kembali pulih pada bulan Mac 2016 apabila pasaran saham mencatat pengaliran masuk dana asing sebanyak USD1.50 bilion. Ini berikutan perkembangan ekonomi Malaysia yang melebihi jangkaan, apabila Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat sebanyak 4.5% bagi suku akhir 2015 (jangkaan: 4.1%) dan KDNK penuh tahun 2015 meningkat sebanyak 5.0% (jangkaan: 4.9%) didorong oleh permintaan dalaman serta eksport. Kenaikan harga komoditi seperti minyak kelapa sawit dan minyak mentah dan prestasi matawang Ringgit yang meningkat naik turut menyumbang kepada pemulihan sentimen pasaran saham dalam tempoh ini. (Sumber: Bank Negara Malaysia, BNM)

E. ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR FAEDAH

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) telah dikurangkan sebanyak 25 mata asas kepada kadar 3.00% pada 13 Julai 2016. Keputusan untuk mengurangkan Kadar Dasar Semalaman adalah tindakan awal untuk memastikan ekonomi terus kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil, berlatarkan persekitaran peningkatan risiko bahawa pertumbuhan global akan menjadi lebih rendah. Susulan

pengurangan Kadar Dasar Semalaman, kadar tawaran antara bank juga menurun pada bulan itu. Ini dapat dilihat apabila Kuala Lumpur Interbank Offered Rate (KLIBOR) 3 bulan telah menyusut 25 mata asas daripada 3.65% kepada 3.40%.

Dalam tempoh yang sama, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) untuk bon 10 tahun telah turun sebanyak 57 mata asas, iaitu daripada 4.15% ke 3.58%. Ini berikutan peningkatan permintaan pelabur asing terhadap bon kerajaan Malaysia yang menawarkan kadar hasil lebih menarik berbanding bon-bon kerajaan negara-negara maju.

Pasaran bon korporat berjangka sederhana dan panjang bertaraf AA dan AAA di antara 3 hingga 10 tahun, turut mencatatkan penurunan kadar hasil antara 10 hingga 20 mata asas selaras dengan sentimen risiko semasa.

F. PROSPEK EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) melalui Prospek Ekonomi Dunia (World Economic Outlook, WEO) terbitan Julai 2016, telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global untuk tahun 2016 pada 3.1%, iaitu penurunan sebanyak 0.1% berbanding unjuran yang dilaporkan pada bulan April 2016. Unjuran tersebut menunjukkan pertumbuhan yang sama dengan kadar pertumbuhan ekonomi global pada 2015.

IMF turut mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara maju bagi tahun 2016 sebanyak 1.8% (2015: 1.9%). Amerika Syarikat (AS) masih merupakan pemacu utama pertumbuhan ini, didorong oleh keadaan kewangan negara tersebut yang stabil serta pemulihan sektor perumahan. Namun begitu, keutuhan nilai mata wang Dolar Amerika (USD) dijangka akan memberikan kesan negatif terhadap nilai eksport AS.

Sementara itu, keadaan ekonomi di blok Eropah masih tidak menentu. Impak jangka panjang daripada pungutan suara keluar dari Kesatuan Eropah oleh rakyat Britain pada 23 Jun 2016 lalu masih belum dapat ditentukan dan banyak bergantung kepada keputusan perbincangan antara pihak Britain dan Kesatuan Eropah yang dijangka akan mengambil masa yang lama. Namun begitu, secara amnya, peningkatan perbelanjaan fiskal, disokong oleh harga minyak mentah yang rendah dan pakej rangsangan monetari oleh bank pusat Eropah dijangka akan memberi kesan positif yang mengatasi impak kelemahan eksport dan produktiviti di Eropah.

Bagi negara membangun pula, IMF mengunjurkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 4.1% bagi tahun 2016. Ini merupakan sedikit

peningkatan berbanding dengan kadar 4.0% pada tahun 2015, didorong oleh pertumbuhan ekonomi India (+7.4%) dan negara ASEAN (+4.8%). Pertumbuhan ekonomi China pula diunjurkan lebih perlahan, iaitu sebanyak 6.6% bagi tahun 2016 berbanding 6.9% pada tahun 2015. Ini adalah disebabkan oleh kelembapan pertumbuhan pelaburan di China yang mengalami pengimbangan semula ekonomi daripada ekonomi yang berteraskan pelaburan dan pembuatan kepada ekonomi yang berteraskan penggunaan dan perkhidmatan.

Beralih kepada ekonomi Malaysia, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan pengubahsuaian Bajet 2016 pada bulan Januari 2016 berikutan kejatuhan harga minyak mentah yang berterusan pada akhir tahun 2015. Kerajaan telah menyemak unjuran pertumbuhan ekonomi negara kepada 4.0% hingga 4.5% bagi tahun 2016. Sebelas langkah penstrukturan dan pengubahsuaian diperkenalkan untuk mengurangkan kesan akibat kejatuhan harga minyak mentah dan ketidaktentuan ekonomi global. Namun begitu, unjuran defisit fiskal masih dikekalkan pada 3.1% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) bagi tahun 2016. Eksport dijangka akan menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi, di mana ia dijangka akan berkembang sebanyak 4.7% berbanding pertumbuhan sebanyak 0.7% pada tahun 2015.

Tahun 2016 merupakan tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11) yang akan memberi penekanan kepada nilai inovasi terutamanya pelaksanaan projek dengan pantas, kos rendah dan berimpak tinggi. RMK-11 akan terus menyokong sektor pembinaan, dengan pelaksanaan projek seperti tambahan laluan transit aliran ringan (LRT) dan Aliran Transit Massa (MRT) yang dijangka akan menyokong pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2016. Kadar inflasi juga dijangka kekal terkawal bagi tahun 2016 dalam lingkungan antara 2.0% sehingga 3.0%, dipengaruhi oleh harga komoditi dan minyak mentah yang dijangka akan kekal rendah, tetapi lebih stabil. (Sumber: BNM)

Untuk tahun 2016, pasaran saham tempatan dijangka akan terus mencabar ekor ketidaktentuan harga komoditi dan nilai Ringgit serta jangkaan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat. Kelemahan keadaan ekonomi di Eropah dan ketidak tentuan dalam isu 'BREXIT' serta ekonomi China yang semakin perlahan juga turut memberi impak kepada ekonomi negara. Ditambah pula dengan permintaan pengguna domestik yang lemah akibat pertumbuhan ekonomi negara yang lebih perlahan berkemungkinan menjejaskan pendapatan korporat syarikat tersenarai.

Namun begitu, untuk tahun 2017, pasaran saham tempatan akan disokong oleh nilai Ringgit yang dijangka lebih stabil dan harga minyak mentah yang diramal akan beransur meningkat. Harga minyak mentah dijangka akan berada pada purata USD54 setong bagi tahun 2017. (Sumber: Bloomberg) Selain itu, pengaliran masuk wang asing dijangka turut membantu meningkatkan pasaran saham ekoran unjuran peningkatan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat yang lebih perlahan pada tahun 2016 berbanding unjuran terdahulu, persekitaraan kadar faedah negatif di Kesatuan Eropah dan Jepun serta unjuran peningkatan pertumbuhan ekonomi ASEAN. Kerajaan China turut memberikan komitmen untuk terus mengambil langkah-langkah menerusi dasar fiskal atau polisi kewangan untuk menstabilkan ekonomi, mata wang dan pasaran saham negaranya. Ini dapat mengurangkan impak negatif kepada ekonomi Malaysia disebabkan kelembapan ekonomi China.

Pada ketika ini, bon kerajaan dari beberapa pasaran maju seperti negara Jepun dan Kesatuan Eropah terus mencatatkan kadar hasil yang lebih rendah, serta ada yang mencatatkan nilai kadar hasil bon negatif berikutan beberapa bank pusat utama meneruskan pelonggaran dasar monetari untuk menyokong aktiviti ekonomi masing-masing. Keadaan ini dijangka berlanjutan dan membuatkan kadar hasil pulangan terlaras risiko bon-bon kerajaan negara membangun di rantau ini terutama Malaysia kelihatan menarik kepada pelabur asing. Sentimen positif ini dijangka akan berterusan berikutan keputusan agensi penarafan antarabangsa untuk mengekalkan penarafan kredit untuk Malaysia pada Ogos 2016 hasil daripada komitmen kerajaan terhadap rasionalisasi fiskal. Oleh yang demikian, pasaran sekuriti berpendapatan tetap tempatan dijangka akan terus didokong oleh pelabur asing dan tempatan sepanjang tahun 2016 sehingga 2017.

G. STRATEGI PELABURAN MASA HADAPAN

i) Ekuiti

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2017, pengurusan ASW 2020 menjangkakan pasaran saham yang mencabar disebabkan oleh harga komoditi terutamanya minyak mentah yang masih kekal rendah, nilai Ringgit yang dijangka kekal rendah, kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat ke paras yang lebih wajar dan pertumbuhan ekonomi China yang semakin perlahan. Oleh itu, strategi pelaburan ASW 2020 akan memberikan fokus yang seimbang antara ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap dan tunai, bagi memastikan pulangan tabung kekal kompetitif berbanding penanda aras.

Pelaburan di dalam ekuiti akan dilakukan secara selektif, berdasarkan analisa yang telah dibuat ke atas syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia bagi mengenal pasti saham syarikat-syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh dan diniagakan di bawah harga wajar. Pelaburan juga ditumpukan kepada sektor-sektor yang mampu memberikan pulangan yang lebih baik dari penanda aras, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil. Pengurus ASW 2020 juga akan mengambil strategi taktikal dalam keadaan pasaran saham yang turun naik untuk mengaut keuntungan jual beli saham.

ii) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Untuk mempelbagaikan aset di dalam portfolio, pengurus ASW 2020 akan turut melabur di dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang. Pelaburan pasaran wang, di samping memberi pulangan dalam portfolio, ia juga dapat menyediakan mudah tunai untuk kegunaan aktiviti harian. Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap pula dibuat dengan pemilihan instrumen - instrumen yang bermutu seperti bon korporat jangka masa sederhana dan sekuriti Islam berpendapatan tetap, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh ASW 2020. Pelaburan dalam pasaran wang dan sekuriti berpendapatan tetap dapat mengimbangi secara efektif keseluruhan risiko dan pulangan dalam portfolio.

Pengurus ASW 2020 akan sentiasa proaktif dalam mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dan mengikut keperluan semasa bagi mengekalkan keupayaan ASW 2020 untuk mengagihkan kadar pengagihan pendapatan yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit dan mengekalkan modal jangka panjang dengan mengambilkira keadaan ekonomi semasa serta persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah.

IV. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit
AMANA SAHAM WAWASAN 2020

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANA SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANA SAHAM WAWASAN 2020 ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016, berserta dengan nota-nota yang dilampirkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, yang telah diubahsuai mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambilkira pengecualian yang telah diberikan kepada AMANA SAHAM WAWASAN 2020, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Ogos 2016, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANA SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANA SAHAM WAWASAN 2020, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 26 September 2016.

**TAN SRI DATO' SRI
ABDUL WAHID
BIN OMAR**
Pengurus

**TAN SRI DATO' SRI
HAMAD KAMA PIAH
BIN CHE OTHMAN**
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
26 September 2016

V. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2016

Kepada Pemegang-Pemegang Unit
AMANAH SAHAM WAWASAN 2020,

Kami, AmanahRaya Trustees Berhad telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah mengurus AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, lain-lain peruntukan Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 adalah mencukupi dan penilaian/penggunaan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- (b) penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah selaras dengan objektif pelaburan AMANAH SAHAM WAWASAN 2020.

Yang Benar,
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
26 September 2016

VI. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 (“Unit Amanah”)

Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 (“unit Amanah”), yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Ogos 2016, penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 19 hingga 36.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap laporan kewangan

Pengurus adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) di Malaysia. disesuaikan mengikut preskripsi khusus yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia pada nota 2 laporan penyata kewangan (“the SC Prescriptions”) dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah. Tanggungjawab ini termasuk: penyediaan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah; memilih dan melaksanakan polisi perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang bersesuaian berdasarkan situasi semasa. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut, berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian keatas risiko kesilapan yang material pada penyata kewangan; sama ada disebabkan oleh pecah amanah atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbabit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan persembahan yang saksama Unit Amanah, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Unit Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan.

Kami percaya bahawa audit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, preskripsi khusus Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia, kecuali untuk pengecualian yang telah diberikan oleh Suruhanjaya Sekuriti, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Ogos 2016 dan prestasi kewangannya, penyata perubahan dalam ekuiti serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Lain-lain perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada pemegang-pemegang unit Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

Hanafiah Raslan & Mohamad
AF: 0002
Akauntan Bertauliah

Muhammad Syarizal bin
Abdul Rahim
No.3157/01/17(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
26 September 2016

VII. PENYATA KEWANGAN

A. PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan faedah		210,911,304	207,177,053
Pendapatan dividen		467,084,709	490,228,550
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		732,174,035	709,035,110
		<u>1,410,170,048</u>	<u>1,406,440,713</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	5	190,607,768	188,813,106
Yuran pemegang amanah	6	500,000	500,000
Ganjaran juruaudit		24,000	24,000
Yuran ejen cukai		3,200	3,200
Perbelanjaan pentadbiran		27,390,544	19,145,502
Rosot nilai dalam pelaburan disebut harga		-	157,081,964
		<u>218,525,512</u>	<u>365,567,772</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI		1,191,644,536	1,040,872,941
CUKAI	7	-	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>1,191,644,536</u>	<u>1,040,872,941</u>
Pengagihan pelaburan	8	<u>1,138,366,283</u>	<u>1,130,769,307</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit		<u>6.30 sen</u>	<u>6.40 sen</u>
Tarikh pengagihan		<u>1 September</u>	<u>1 September</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut :			
Ternyata		1,191,644,536	1,040,872,941
Tidak Ternyata		-	-
		<u>1,191,644,536</u>	<u>1,040,872,941</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

VII. PENYATA KEWANGAN

B. PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2016

	2016 RM	2015 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	1,191,644,536	1,040,872,941
Lain-lain pendapatan komprehensif	-	-
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN KEWANGAN	<u>1,191,644,536</u>	<u>1,040,872,941</u>
Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	1,191,644,536	1,040,872,941
Tidak ternyata	-	-
	<u>1,191,644,536</u>	<u>1,040,872,941</u>

